



سوروهنجاي فرسايشن بروني دارالسلام
COMPETITION COMMISSION
BRUNEI DARUSSALAM

PRESS RELEASE COMPETITION COMMISSION BRUNEI DARUSSALAM

Competition Order and Economic growth Dialogue Session with UTB undergraduates and post-graduates

Date: 25 February 2020

1. Over 70 undergraduates and post-graduates from the School of Business, Universiti Teknologi Brunei (UTB) attended a dialogue session on *The Role of Competition Order in Economic Growth*, organized by the Executive Secretariat of the Competition Commission Brunei Darussalam (CCBD), last weekend.
2. The session is part of the Competition Order Dialogue Series, aimed at instilling understanding on the role of competition law in economic growth and development. In addition, the session also served to introduce competition law as a potential area of research among undergraduates, post-graduates and academia, in view of the importance of competition policy in achieving a sustainable market towards Brunei's long-term economic vision.
3. The session began with an introduction on the development of the Brunei Competition Order by the Executive Secretariat of the CCBD, followed by a lecture on Competition law and Economic growth delivered by Dr Hassan Qaqaya, a former Head of Competition and Consumer Policies in UNCTAD, who is currently a Senior Fellow at the Melbourne Law School, University of Melbourne teaching International Trade and Competition Policy.

4. Albeit the empirical evidence showing the correlation between implementation of competition law and economic growth, Dr Hassan Qaqaya had also highlighted that competition law itself is not sufficient to achieve favourable outcome for the economy and that appropriate policies should be put in place to mitigate the costs that arise from competition, allowing every member of the society to benefit from the growth.
5. The session continued with the Executive Secretariat of the CCBD, providing insights on the Brunei Competition Order, specifically, on the anti-competitive agreements, which has been enforced beginning of this year. The anti-competitive agreements, also known as cartels are agreements made by two or more businesses to fix price; share market; limit supply; and collude tender.
6. The dialogue saw a very active participation among the attendees discussing matters related to the business conducts observed in the Brunei context. The session ended with presentation of the *Guidelines on Business Competition* handbook and *Frequently Asked Questions on Competition Order* leaflet, published by the CCBD.
7. The dialogue session in UTB marks the first advocacy among universities, as scheduled in the Competition Communication Plan, towards raising awareness of the Competition Order. The Executive Secretariat encouraged the academics and post-graduates in UTB to join the Virtual ASEAN Competition Research Centre (Virtual Centre) which serves as a platform to stimulate research on competition issues in ASEAN. The Virtual Centre can be accessed through <https://asean-competition.org/research/>
8. The Executive Secretariat of CCBD can be reached through email at brunei.competition@jpke.gov.bn or call 2233344 extension 230 or 341 or 343 for any inquiries and request for briefings on the Competition Order.

*Executive Secretariat of Competition Commission Brunei Darussalam
Department of Competition and Consumer Affairs
Department of Economic Planning and Statistics
Ministry of Finance and Economy*

Competition Commission Brunei Darussalam (CCBD)

By the consent of His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam, the Competition Commission of Brunei Darussalam (CCBD) was established on 1 August 2017 as an independent body that is mandated to promote business competition in Brunei's economic landscape through the enforcement of the Competition Order, 2015.

The Department of the Competition and Consumer Affairs in the Department of Economic Planning and Statistics, Ministry of Finance and Economy being the Executive Secretariat to the CCBD is responsible in carrying out Commission's functions such as advocacy, receiving complaints, reviewing markets and conducting investigations.



سوروهنجاي فرسايغن برونئي دارالسلام
COMPETITION COMMISSION
BRUNEI DARUSSALAM

SIARAN MEDIA SURUHANJAYA PERSAINGAN BRUNEI DARUSSALAM

Sesi Dialog Perintah Persaingan dan Pertumbuhan Ekonomi bersama mahasiswa UTB di peringkat Sarjana Muda dan Sarjana

Tarikh: 25 Februari 2020

1. Lebih dari 70 mahasiswa di peringkat sarjana muda dan sarjana daripada Sekolah Perdagangan, Universiti Teknologi Brunei (UTB) menghadiri sesi dialog mengenai *Peranan Perintah Persaingan di dalam Pertumbuhan Ekonomi*, yang telah dianjurkan oleh Sekretariat Eksekutif Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam, pada hujung minggu yang lepas.
2. Sesi Dialog berkenaan merupakan sebahagian daripada Siri Dialog Perintah Persaingan, yang bertujuan untuk menerapkan kefahaman mengenai peranan perundangan persaingan di dalam pertumbuhan dan pembangunan ekonomi. Tambahan lagi, sesi berkenaan juga bertujuan untuk memperkenalkan perundangan persaingan sebagai salah satu bidang kajian yang dapat dilaksanakan oleh mahasiswa di peringkat sarjana muda dan sarjana serta akademia. Ini mengambil kira kepentingan dasar persaingan dalam mencapai pasaran yang berdaya tahan ke arah visi ekonomi Negara dalam jangka masa panjang.

3. Sesi tersebut dimulakan dengan pengenalan mengenai perkembangan Perintah Persaingan oleh Sekretariat Eksekutif Suruhanjaya Persaingan. Sesi seterusnya diikuti dengan taklimat mengenai perundangan persaingan dan pertumbuhan ekonomi, yang disampaikan oleh Dr Hassan Qaqaya, mantan ketua Dasar Persaingan dan Pengguna di UNCTAD, yang mana sekarang merupakan Rakan Senior di Melbourne Law School, University of Melbourne di dalam bidang Dasar Perdagangan Antarabangsa dan Persaingan.
4. Meskipun bukti empirikal menunjukkan terdapatnya hubungkait di antara pelaksanaan perundangan persaingan dan pertumbuhan ekonomi, Dr Hassan Qaqaya juga menekankan bahawa perundangan persaingan dengan sendirinya tidak memadai untuk mencapai hasil ekonomi yang diharapkan kerana ianya perlu didukung dengan dasar yang bersesuaian bagi membolehkan kesemua lapisan masyarakat mendapatkan manfaat daripada pertumbuhan ekonomi.
5. Sesi diteruskan oleh Sekretariat Eksekutif Suruhanjaya Persaingan dengan penerangan mengenai Perintah Persaingan, terutamanya mengenai Perjanjian Anti-Persaingan, yang telah dikuatkuasakan pada awal tahun ini. Perjanjian Anti-Persaingan yang juga dikenali sebagai Kartel merujuk kepada perjanjian yang dibuat di antara dua atau lebih peniaga untuk menetapkan harga, membahagikan pasaran, menghadkan bekalan dan menipu bidaan (kolusif tender).
6. Dialog berkenaan mendapat penyertaan aktif daripada mahasiswa, yang membincangkan mengenai perkara berkaitan dengan amalan peniaga di dalam konteks Negara Brunei Darussalam. Sesi diakhiri dengan penyampaian Buku Garis Panduan Persaingan Perniagaan dan risalah Soalan-Soalan Lazim mengenai Perintah Persaingan yang disediakan oleh Suruhanjaya Persaingan.

7. Dialog bersama UTB merupakan sesi pemberitaan yang pertama sekali diadakan di peringkat universiti seperti yang dijadualkan di dalam Pelan Komunikasi Persaingan, yang mana bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai Perintah Persaingan. Sekretariat Eksekutif Suruhanjaya Persaingan turut menggalakkan akademia serta mahasiswa di peringkat sarjana di UTB untuk menyertai Virtual ASEAN Competition Research Centre (Pusat Virtual), yang menyediakan platform untuk memperkaya kajian mengenai isu persaingan di ASEAN. Pusat Virtual tersebut boleh diakses melalui <https://asean-competition.org/research/>

8. Sekretariat Eksekutif Suruhanjaya Persaingan boleh dihubungi melalui emel brunei.competition@jpke.gov.bn atau talian 2233344 sambungan 230, 341 atau 343 bagi sebarang pertanyaan dan permohonan taklimat mengenai Perintah Persaingan.

*Sekretariat Eksekutif Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam
Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna
Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Kementerian Kewangan dan Ekonomi*

Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan penubuhan Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam pada 1 Ogos 2017 sebagai sebuah badan bebas yang dimandatkan untuk mempromosi persaingan perniagaan di pasaran ekonomi Brunei Darussalam melalui penguatkuasaan Perintah Persaingan 2015.

Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna di Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik, Kementerian Kewangan dan Ekonomi selaku Sekretariat Eksekutif kepada Suruhanjaya Persaingan adalah bertanggungjawab dalam melaksanakan fungsi Suruhanjaya Persaingan seperti pemberigaan, menerima aduan, mengkaji pasaran dan menjalankan siasatan.